

22 AUG 2003

Gerakan-Perlembagaan

GERAKAN AKAN PINDA PERLEMBAGAAN UNTUK KUKUHKAN PARTI

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Gerakan yang memulakan persidangan perwakilan kebangsaan ke-32 parti itu pagi ini dengan melancarkan pameran Wawasan 2020, akan meminda perlembagaannya bagi menambah jumlah cawangan di setiap kawasan Parlimen daripada 12 kepada 18.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata Gerakan juga merancang melantik setiap pengerusi negeri sebagai anggota jawatankuasa pusat (CC) tetapi jumlahnya tidak melebihi 50 orang.

Oleh itu, parti berkenaan akan mengurangkan anggota CC yang dipilih daripada 18 sekarang kepada hanya 12 orang, katanya kepada pemberita selepas melancarkan pameran khas itu yang diikuti dengan persembahan multimedia.

Pameran Wawasan 2020 itu bertujuan menghargai sumbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap wawasan serta usaha beliau memajukan negeri menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

Dr Lim berkata Gerakan turut menerima pakai Wawasan 2020 yang diperkenalkan pada 1991, sebagai sebahagian daripada agenda politiknya.

"Setiap parti mesti mempunyai objektif dan arah tuju politik. Sejak kami mengguna pakai cabaran-cabaran wawasan itu, kami menjadi parti bukan perkauman dan langkah itu menyatukan parti kami -- faktor penyepaduan," kata Dr Lim.

Beliau berharap anggota parti akan berusaha gigih pada masa depan untuk memenuhi objektif yang digariskan dalam Wawasan 2020 sebagai mengenang jasa Perdana Menteri.

Dr Lim berkata persidangan perwakilan parti itu tahun ini turut memperkenalkan beberapa perubahan bagi menyepadu dan mengembangkan Gerakan.

Beliau berkata anggota seumur hidup parti itu yang memainkan peranan penting sebagai penjaga, akan ditambah dari 150 orang pada masa ini kepada 300 orang.

"Mereka mesti telah berkhidmat kepada parti sekurang-kurangnya 20 tahun di peringkat cawangan, negeri atau kebangsaan. Sebilangannya merupakan pemimpin parti sedia ada manakala sebahagian lagi merupakan veteran parti," katanya.

Dr Lim berkata enam daripada mereka akan dilantik menganggotai CC bagi memandu arah parti berdasarkan pengalaman masing-masing, katanya.

Dr Lim juga berkata mereka juga memainkan peranan penting dalam urusan jual beli aset parti.

Pemegang jawatan utama boleh membeli, menjual atau mengubah aset-aset parti tetapi mereka mesti mendapat kelulusan daripada jawatankuasa majlis anggota seumur hidup mengenai aset.

"Jadi kami ada dua kunci. Satu dipegang oleh pemimpin CC dan satu lagi oleh anggota seumur hidup," kata Dr Lim.

-- BERNAMA

VP MUN LAT